



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUUKUR BAHAN  
2011  
UKUR BAHAN**

**KOD : PTU02**

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR  
TENDER/KONTRAK**

**TARIKH : 25 APRIL 2011**

**MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Berikan **tiga (3)** perbezaan di antara dokumen tender berasaskan Senarai Kuantiti dengan berasaskan Lukisan dan Spesifikasi.

*(6 markah)*

- b) Nyatakan **sepuluh (10)** item yang perlu dinyatakan di dalam iklan tender.

*(10 markah)*

- c) Nyatakan tempoh minimum iklan tender bagi tender-tender berikut:

- i) Tender Antarabangsa
- ii) Tender Tempatan

*(4 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Nyatakan fungsi perkara-perkara berikut dalam penilaian Tender:

- i) Penilaian Teknikal
- ii) Penilaian Kewangan

*(8 markah)*

**SOALAN 2 (sambungan)**

- b) Nyatakan secara ringkas fungsi Lembaga Perolehan Tender.  
(2 markah)
- c) Nyatakan tindakan yang perlu diambil dalam penyediaan Surat Setuju Terima Tender dari peringkat menerima keputusan Lembaga Perolehan sehingga Surat Setuju Terima diagihkan.  
(10 markah)

**SOALAN 3**

- a) Nyatakan tujuan insuran-insuran berikut di dalam kontrak:
- i) Insuran Kerja (*Insurance of Works*)
  - ii) Insuran Tanggungan Awam (*Third Party Liability Insurance*)
- (6 markah)
- b) Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 2007, nyatakan nilai dan tempoh yang perlu diinsurankan bagi projek yang bernilai RM 100 juta:
- i) Insuran Kerja (*Insurance of Works*)
  - ii) Insuran Tanggungan Awam (*Third Party Liability Insurance*)
- (8 markah)
- c) Nyatakan tindakan Pegawai Penguasa sekiranya pihak kontraktor gagal memperbaharui insuran-insuran tersebut.  
(4 markah)
- d) Nyatakan perlindungan-perlindungan yang diliputi (*coverage*) di dalam polisi insuran *Contractor's All Risk*.  
(2 markah)

SOALAN 4

- a) Nyatakan dokumen-dokumen yang perlu disertakan semasa memproses Bayaran Wang Pendahuluan.

(6 markah)

- b) Nyatakan kaedah pemotongan bayaran balik wang pendahuluan bagi kontrak kerja berdasarkan SPP bil. 5/2007.

(6 markah)

- c) Nyatakan tindakan yang perlu dibuat oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek sekiranya perkara-perkara berikut berlaku:

- i) Bayaran balik wang pendahuluan dijangka tidak dapat diselesaikan dan tempoh sah laku gerenti bank hampir tamat.
- ii) Bayaran balik wang pendahuluan telah disempurnakan sepenuhnya oleh pihak kontraktor.

(8 markah)

SOALAN 5

Bayaran Interim merupakan balasan kepada kontraktor di atas kerja-kerja yang dilaksanakan di bawah kontrak berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 2007.

- a) Nyatakan had nilai bayaran interim pertama dan seterusnya berdasarkan Surat Pekeliling KPKR Bil. 28/2001.

(4 markah)

- b) Nyatakan prosidur penyediaan perakuan bayaran interim mengikut susunan bermula dari membuat penilaian sehingga bayaran diterima oleh pihak kontraktor.

(8 markah)

**SOALAN 5 (sambungan)**

- c) Nyatakan peratusan nilai bahan-bahan tak pasang yang layak dipertimbangkan dalam penyediaan perakuan bayaran interim dan syarat-syaratnya.

*(8 markah)*

**SOALAN 6**

Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 2007, nyatakan:

- a) Takrif 'perubahan kerja' yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak.

*(6 markah)*

- b) Had kuasa meluluskan perubahan kerja mengikut Arahan Perbendaharaan Fasal 202 bagi projek bernilai RM100 juta.

*(8 markah)*

- c) Kaedah penilaian perubahan kerja berikut:

- i) Kerja Serupa
- ii) Kerja Tidak Serupa
- iii) Kerja-kerja ditinggalkan

*(6 markah)*

**SOALAN 7**

Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 2007 Klausula 43.

- a) Berikan lima (5) sebab yang membolehkan pihak kontraktor layak mendapatkan kelambatan dan lanjutan masa.

*(10 markah)*

**SOALAN 7 (sambungan)**

- b) Nyatakan **tiga (3)** sebab yang membolehkan pihak kontraktor yang mendapat lanjutan masa kontrak dan layak membuat tuntutan kerugian dan perbelanjaan.

*(6 markah)*

- c) Nyatakan syarat-syarat yang melayakkan kontraktor mendapat tuntutan kerugian dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam item (b) di atas dapat dipertimbangkan.

*(4 markah)*

**SOALAN 8**

- a) Terangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- i) Penyiapan Kerja Sepenuhnya
- ii) Penyiapan Berbahagian-bahagian
- iii) Pendudukan Separa

*(6 markah)*

- b) Nyatakan kesan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) terhadap penyiapan berikut:

- i) Penyiapan Kerja Sepenuhnya
- ii) Penyiapan Berbahagian-bahagian
- iii) Pendudukan Separa

*(6 markah)*

- c) Nyatakan bila Perakuan Siap Kerja dan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan boleh dikeluarkan.

*(4 markah)*

**SOALAN 8 (sambungan)**

- d) Nyatakan Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk projek bernilai RM10.0 juta bagi kontrak berikut:
- i) Projek Konvensional
  - ii) Projek Reka dan Bina

(4 markah)

**SOALAN 9**

- a) Nyatakan tempoh Perakuan Muktamad perlu disediakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A Pindaan 2007.

(4 markah)

- b) Nyatakan item-item yang ditunjukkan dalam Sijil Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

- c) Nyatakan kaedah melepaskan jaminan-jaminan berikut selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum Perakuan Muktamad disediakan:

- i) Bon Pelaksanaan
- ii) Wang Jaminan Pelaksanaan

(6 markah)

**SOALAN 10**

- a) Nyatakan secara ringkas masa penyediaan dan tujuan perkara-perkara berikut dilaksanakan dalam satu-satu projek:

- i) *Preliminaries Detailed Abstract (PDA)*

**SOALAN 10 (sambungan)**

- ii) *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)*
- iii) *As Completed Detailed Abstract (ACDA)*

(12 markah)

b) Berikan takrif bagi perkara-perkara berikut:

- i) *Wang Kos Prima (Prime Cost Sum)*
- ii) *Wang Peruntukan Sementara (Provisional Sum)*

(8 markah)

\*\*\*\*\*